

*Jenis Akhbar : Berita RTM  
Tarikh : 25/09/2022  
Edisi / Muka Surat : [berita.rtm.gov.my](http://berita.rtm.gov.my)  
Tajuk : Jawatankuasa Masjid, Surau Disaran Tubuh Gerakan Koperasi*

## **Jawatankuasa Masjid, Surau Disaran Tubuh Gerakan Koperasi**



- 25 September 2022

SUNGAI BULOH, 25 September- Jawatankuasa masjid dan surau di seluruh negara disaran menubuhkan koperasi masjid di kariah masing-masing dalam usaha memperkasa pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga kini terdapat kira-kira 500 buah masjid dan surau sudah mempunyai gerakan koperasi.

Bagaimanapun jumlah itu masih sedikit jika dibandingkan dengan 6,300 masjid dan 4,000 surau yang dilihat berpotensi untuk menubuhkan koperasi.

Jelas beliau, usaha berkenaan penting bagi mengimarahkan fungsi masjid sebagai sebuah platform penjanaan ekonomi dan aktiviti masyarakat selain menjadi tempat beribadah.

"Dari segi ANGKASA sendiri, kami akan memberikan sumbangan kewangan kepada koperasi masjid yang baru ditubuhkan sahaja.

Saya juga dah memaklumkan penaja penubuhan koperasi supaya jangan pakai duit masjid sebab lain, ini entiti yang berbeza dan kita tak nak ia disamakan kerana itu hak masjid," ujarnya selepas merasmikan Karnival Jualan Keluarga Malaysia dan Sukan Perpaduan Ummah Saujana Utama di sini.



(Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden ANGKASA)

Pada majlis tersebut, beliau turut menyerahkan sumbangan barang asas di bawah Projek Barang Asas 100 (BA100) kepada 50 penerima warga asnaf setempat.

Tambah Datuk Seri Dr. Abdul Fattah, ANGKASA memperuntukkan sebanyak RM500 kepada koperasi kariah masjid melaksanakan mesyuarat agung buat permulaan.